



Pelaksanaan Hibah dalam Produk Takaful: Perspektif Fuqaha *The Implementation Of Hibah In Takaful Product: Fuqahas Perspectives*

Open
Access

Siti Rashidah Ismail^{1,*}, Noor Lizza Mohamed Said²

¹ Sarjana Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

² Pensyarah Kanan Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:

Received 6 February 2019

Received in revised form 24 April 2019

Accepted 12 May 2019

Available online 19 May 2019

ABSTRACT

Instrumen hibah telah diaplikasikan dalam produk-produk takaful sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Terdapat juga resolusi yang dikeluarkan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia yang membenarkan manfaat takaful dihibahkan. Namun begitu, timbul persoalan berkaitan bentuk akad hibah, kedudukan qabd dan syarat penarikan balik hibah yang terdapat dalam akad tersebut. Justeru artikel ini bertujuan untuk mengkaji bentuk dan kedudukan akad hibah takaful beserta syarat yang telah ditetapkan berdasarkan pandangan fuqaha serta hujah mereka. Kajian ini berbentuk kualitatif yang melibatkan kajian analisis kandungan. Dokumen hibah yang ditawarkan oleh industri takaful dianalisis dengan merujuk kepada pandangan fuqaha. Hasil kajian mendapati bahawa hibah yang ditawarkan oleh industri takaful adalah hibah bersyarat yang cenderung kepada syarat ruqba yang dikaitkan dengan kematian peserta (pemberi hibah) dan tempoh matang sijil. Penarikan hibah berlaku sekiranya peserta masih hidup semasa sijil takaful matang. Kajian ini memberi impak kepada industri takaful dalam menawarkan hibah yang patuh syariah. Ia juga memberi pendedahan kepada masyarakat berkaitan keperluan hibah dalam perancangan harta berbentuk takaful.

The instrument of hibah has been applicable in the takaful products are those stated under the provision of Islamic Financial Services Act 2013. There are resolutions issued by the Shariah Advisory Council of Bank Negara Malaysia allowing for takaful benefits to be given as hibah. However, there have been arising issues which relates to the formation of aqad for hibah, the condition of qabd and the term of hibah revocation embedded in aqad. Thus, the objective of this article is to analyse the formation and position of hibah aqad in takaful together with the terms and conditions accompanying it based on the perspective of the fuqahas and their arguments. The study is qualitative involving content analysis. The hibah document offered by the takaful industry is analysed with reference to the opinions of the fuqahas. From the results, it was evidenced that hibah offered by the takaful industry were conditional hibah with inclination towards ruqba condition that relates to the demise of the participant (donor) and maturity period of the certificate. Revocation of hibah took place during the life of the donor and upon the maturity of certificate. This study gives impact on the takaful industry offering shariah compliance hibah. It also provides exposure and awareness to the society on the requirement of hibah and the essential of takaful based estate planning.

* Corresponding author.

E-mail address: livegive92@gmail.com (Siti Rashidah Ismail)

Kata Kunci:

Hibah, takaful, qabd, fuqaha, ruqba

Keywords:

Hibah, takaful, qabd, fuqaha, ruqba

Copyright © 2019 PENERBIT AKADEMIA BARU - All rights reserved

1. Pengenalan

Hibah merupakan instrumen perancangan harta umat Islam yang berkuatkuasa semasa hidup pemberi hibah. Pensiaryatannya sebagai pelengkap kepada sistem pengagihan harta orang Islam dan bukannya bermaksud untuk mengeneipkan sistem pengurusan secara faraid [32]. Seiring dengan perubahan corak hidup masyarakat kini, pemakaian hibah sebagai instrumen pengagihan harta pusaka dilihat semakin popular. Tambahan pula, masalah kelewatan dan tunggakan kes pengagihan harta pusaka si mati turut dapat dikurangkan [36].

Senario hari ini, permintaan masyarakat terhadap Sistem Kewangan Islam semakin meningkat terutamanya dalam industri takaful. Bagi memudahkan urusan pengagihan wang takaful, hibah diaplikasikan sebagai prinsip sokongan dalam aktiviti-aktiviti muamalat Islam yang dijalankan. Asasnya, takaful ditubuhkan sebagai simpanan jangka panjang yang meliputi aktiviti-aktiviti pelaburan dan perlindungan peserta yang melanggan takaful beserta waris-warisnya yang berhak sekiranya peserta menghadapi keilangan kekal atau kematiannya. Hal ini kerana tujuan utama pelanggan menyertai takaful adalah bagi memperoleh manfaat yang ditawarkan. Tambahan pula, mekanisme hibah diguna pakai dalam pengagihan manfaat takaful peserta. Walau bagaimanapun, hibah yang diguna pakai dalam industri takaful adalah berbentuk hibah bersyarat di mana ianya bersandarkan kepada Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 yang mengharuskannya. Oleh yang demikian, hibah bersyarat yang dilaksanakan bagi memperoleh manfaat takaful digambarkan sebagai galakan kepada peserta takaful untuk menamakan penerima hibah yang dicadangkan bagi memudahkan pengurusan pihak pengendali takaful [38].

Sehubungan itu, dalam Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, tafsiran manfaat takaful termasuklah apa-apa manfaat sama ada berupa wang atau tidak yang boleh dibayar dibawah suatu sijil takaful. Menurut Khairy dan Suhaili [25], manfaat takaful adalah salah satu bentuk bantuan kewangan yang memberi perlindungan kepada benefisiari-benefisiari apabila seseorang peserta takaful meninggal dunia sebelum tempoh matang polisinya. Dalam konteks takaful, peserta mempunyai pilihan bagi mengagihkan wang manfaat takaful mereka iaitu sama ada melantik penama sebagai pemegang amanah (wasi) atau diberikan kepada benefisiari dibawah hibah bersyarat.

Justeru, artikel ini akan mengkaji pandangan fuqaha beserta hujah mereka tentang bentuk dan kedudukan akad hibah serta syaratnya yang telah ditetapkan dalam takaful sekaligus dapat mengenalpasti kedudukan qabd dan syarat penarikan balik hibah yang terdapat dalam akad tersebut.

2. Bentuk dan Kedudukan Hibah

Menurut perspektif jumhur, rukun hibah terdiri daripada penghibah, penerima hibah, barang yang dihibahkan dan sighth (ibn Juzāi t.th). Akad hibah adalah disunatkan dengan pelbagai jenis atau cara tanpa membezakan pemberian tersebut secara sedikit mahupun banyak [41]. Bersandarkan kepada hadis riwayat Abu Hurairah r.a iaitu sabda Rasulullah s.a.w.:

لو دُعِيْتُ إِلَى ذِرَاعٍ ، أَوْ كِرَاعٍ لِأَجْبِثُ ، وَ لَوْ أُهْدِيَ إِلَيَّ ذِرَاعٌ أَوْ كِرَاعٌ لَقَبِلْتُ

Maksudnya:

Andaikan aku dijemput untuk dijamu dengan peha atau betis (tulang kering) kambing, aku pasti memenuhinya, dan andai aku dihadahi peha atau betis (tulang kering) kambing, pasti aku menerimanya (al-Bukhari. Sahih Bukhari. Kitab al-Hibah. Bab Qalīl min al-Hibbah. No. Hadis: 2568).

Noor Lizza *et al.*, [33] mengkategorikan hibah kepada dua iaitu hibah mutlak dan hibah bersyarat. Pengkaji membahagikan hibah bersyarat kepada tiga bentuk iaitu hibah dengan syarat balasan atau gantian, hibah bersyarat ‘umrā dan hibah bersyarat ruqbā. Hibah mutlak merupakan pemberian sesuatu kepada seseorang secara langsung sebagai penghargaan kepada penerima hibah atau pemindahan hak milik tanpa balasan yang berlaku ketika masih hidup dan secara sukarela [5]. Manakala hibah bersyarat merupakan sesuatu pemberian yang berlaku dalam tempoh hidup pemberi hibah atau penerima hibah dengan meletakkan syarat pengembalian ke atas harta tersebut seperti kematian [26].

Hibah bersyarat berbeza dengan hibah mutlak kerana hibah mutlak disepakati oleh fuqaha manakala keunikan hibah bersyarat adalah terdapat perselisihan pandangan dalam kalangan fuqaha. Berhubung hibah bersyarat, perletakkan syarat tersebut bergantung kepada pemberi hibah yang mempunyai kebebasan menentukan syarat kontrak hibahnya. Ibn Qudāmah [19] turut berpandangan bahawa tidak mengharuskan hibah yang digantung dengan syarat atas sebab kepemilikan hanya berlaku semasa hidup pemberi hibah. Berdasarkan kepada hadis Rasulullah s.a.w. kepada Ummu Salamah:

لَمَّا تَزَوَّجَنِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: (إِنِّي قَدْ أَهْدَيْتُ إِلَى النَّجَاشِيِّ حُلَّةً وَأَوَاقِيَّ مِسْكِ وَلَا أُرَاهُ إِلَّا قَدْ مَاتَ وَسُئِرْتُ الْهَدِيَّةُ فَإِنْ كَانَ كَذَلِكَ فَهِيَ لَكَ ؟) قَالَتْ: فَكَانَ كَمَا قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَاتَ النَّجَاشِيُّ وَرُدَّتِ الْهَدِيَّةُ فَدَفَعَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَى كُلِّ امْرَأَةٍ مِنْ نِسَائِهِ أَوْقِيَّةً مِسْكِ وَدَفَعَ الْحُلَّةَ وَسَائِرَ الْمِسْكِ إِلَى أُمِّ سَلْمَةَ .

Maksudnya:

Ketika Rasulullah s.a.w. menikahi Ummu Salamah, baginda telah bersabda: “Sesungguhnya aku pernah memberikan hadiah kepada Raja al-Najasyi sebuah pakaian berenda dan beberapa botol minyak kasturi, namun aku mengetahui bahawa beliau telah meninggal dunia dan aku melihat hadiah itu akan dikembalikan.” Jika hadiah itu memang dikembalikan kepadaku, maka hadiah itu menjadi milikmu. Beliau berkata: ternyata sebagaimana yang disabdakan oleh Rasulullah s.a.w. Raja al-Najasyi telah mati dan hadiah itu dikembalikan kepada baginda s.a.w.; lalu baginda s.a.w. memberikan kepada isterinya masing-masing satu botol minyak kasturi; dan sisa minyak kasturi dan pakaian itu baginda berikan kepada Ummu Salamah (ibn Hibbān. Sahih ibn Hibbān. Kitab al-Hibah. No Hadis: 5092).

Terdapat sebahagian fuqaha seperti Hanāfi, Syafiī dan Hanbalī dengan jelasnya menyebut bahawa hibah tidak boleh digantung dengan masa hadapan di mana akad hibah akan terbatal kerana tidak diketahui akan kesahihannya. Golongan fuqaha ini bertanggungjawab bahawa menggantung hibah dengan masa akan datang adalah sama dengan keadaan akad jual beli [40]. Terikatnya hibah dengan syarat masa akan datang menyebabkan berlakunya penafian ke atas pindah milikan harta tersebut kepada penerima hibah. Tambahan pula, menurut pandangan imam Ahmad [19] apabila penghibah meletakkan syarat yang fāsīd iaitu syarat yang bertentangan dengan syarak, maka syarat tersebut tidak dibenarkan. Malahan, persetujuan oleh kedua-dua pihak yang berkontrak diperlukan.

Di samping itu, Hanafi [22], Maliki [20], Hanbali [19] dan Syafi'i [37] berpandangan mengenai syarat yang ditetapkan dalam kontrak hibah adalah sah kerana pemberi hibah masih lagi berhak ke atas hartanya selagi mana tidak berlaku apa-apa penyerahan kepada penerima hibah. Rasulullah s.a.w. bersabda:

الواهب أحق بهبته ما لم يثب منها

Maksudnya:

Pemberi hibah berhak ke atas hibahnya selagimana tidak beri apa-apa (al-Bayhaqi. al- Sunan al-Kubra. No Hadis: 12024).

Noor Lizza *et al.*, [33] menerangkan bahawa akad hibah yang terikat dengan syarat adalah harus. Syarat tersebut hendaklah menepati hukum syarak dan disertai dengan pemberian hak milik harta kepada penerima hibah untuk dimanfaatkan. Etika, adat dan undang-undang umum setempat perlu dipatuhi dan tidak bercanggah dengan tujuan pemberian hibah itu.

Antara keadaan hibah yang turut menjadi perbincangan di kalangan ulama fiqh adalah hibah dengan syarat *‘umrā* dan *ruqbā*. Menurut kajian Mohd Zamro [26] dan Alias *et al.* [9], majoriti ulama berpendapat hibah bersyarat yang bersifat sementara seperti *‘umrā* dan *ruqbā* adalah sah tetapi tidak pada syaratnya. Walau bagaimanapun, Nasrul Hisyam [28] menyatakan elemen gharar merupakan faktor terbatalnya syarat *‘umrā* dan *ruqbā* tetapi boleh dikuatkuasakan.

a) AL-‘UMRĀ

Di dalam al-Quran, Allah telah berfirman:

(هُوَ أَنشَأَكُم مِّنَ الْأَرْضِ وَاسْتَعْمَرَكُمْ فِيهَا)

Maksudnya:

Dia lah yang menjadikan kamu dari bahan-bahan bumi, serta menghendaki kamu memakmurkannya (al-Quran, Hūd 11:61).

Menurut al-Mawardī [23], ayat di atas menjelaskan Allah menghendaki untuk tinggal di dalamnya selama tempoh umur kamu. Istilahnya menurut Mu[‘]jam al-Ta[‘]rifāt(t.th) *‘umrā* ialah pemberian sesuatu yang mana pemilikannya bergantung kepada hidup penghibah atau penerima pemberian. Menurut al-Syāfi[‘]ī (t.th), *‘umrā* ialah berkata penghibah kepada penerima hibah: “aku *‘umrā*kan kepada mu rumah ini iaitu dengan membolehkan kamu mendiami rumah ini sepanjang hidup atau hayatmu”. Menurut al-Nawawī [30], Rasulullah s.a.w. membenarkan hibah secara *‘umrā*. Majoriti ulamak berpendapat hibah yang bersifat sementara berdasarkan dalil yang telah disebut adalah sah tetapi syaratnya terbatal [26]. Sabda Rasulullah s.a.w.:

قضى النبي صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالْعُمْرَى ، أَنَّهَا لِمَنْ وَهَبَتْ لَهُ

Maksudnya:

‘Umrā itu adalah bagi orang yang dianugerahkan (al-Bukhari. Sahih Bukhari. Kitab al-Hibah. Bab ma Qila fi al-*‘umrā* wa al-*ruqbā*. No. Hadis: 2625).

Berdasarkan hadis di atas, menurut ibn Hajar al-*‘Asqalānī* [14], majoriti ulama berpendapat bahawa *‘umrā* adalah sah berdasarkan kepada jumhur ulama dari segi syarak apabila perkara ini berlaku pemberian akan menjadi milik orang yang diberi. Riwayat Muslim bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

العمرى جائزة

Maksudnya:

‘Umrā adalah harus (Muslim. Sahih Muslim. Kitab al-Hibat. Bab al-*‘Umrā*. No. Hadis: 1626).

Perkataan yang diistilahkan sebagai diperbolehkan pada lafaz di atas difahami dengan maksud halal atau sah [14]. Ini menunjukkan pemberian seseorang dengan mensyaratkan pengembalian

milikannya kepada ahli-ahli warisnya. Maka, hibah tersebut dianggap sah namun syarat tersebut terbatal. Menurut al-Balqini (al-Sharbīnī t.th), akad hibah menjadi sah kerana terdiri daripada syarat rosak yang bertentangan dengan kehendak hibah. Walau bagaimana pun, al-Syāfi‘ī, Mālik, dan Abū Hanīfah berpegang dengan dalil di atas dalam mengharuskan akad hibah secara ‘umrā [23].

Menurut al-Mawardī [23], ahli fiqh seperti Dāud, golongan Zāhiri dan sebahagian ahli hadis berpendapat bahawa hibah yang disyaratkan dengan ‘umrā dan ruqbā adalah terbatal. Larangan yang terdapat dalam hadis tersebut merupakan sebagai peringatan bahawa barang yang dihibahkan itu tidak akan dikembalikan kepada penghibah kerana ianya milikan penuh si penerima (ibn Qudāmah 1997). Di sisi fuqaha Mālikī (ibn Rush 1415H), akad hibah dan syarat ‘umrā adalah harus.

b) AL-RUQBĀ

Manakala hibah bersyarat ruqbā dinamakan al-Ruqbā kerana saling menunggu kematian masing-masing untuk mendapatkan barang yang dihibah [15]. Ahmad Riḍā [4] mengistilahkan ruqbā sebagai pemberian hak milik seseorang kepada orang lain seperti rumah atau tanah yang berlaku apabila pemberi hibah atau penerima hibah meninggal dunia, maka barang hibah akan dimiliki orang yang masih hidup.

Dalam firman Allah S.W.T:

(فَارْتَقِبْ إِنَّهُمْ مُرْتَقِبُونَ)

Maksudnya:

Sekiranya (mereka tidak berbuat demikian) maka tunggulah (wahai Muhammad akan kesudahan mereka), sesungguhnya mereka juga menunggu (al-Quran, al-Dukhān 44:59).

Namun, pandangan al-Muzani yang menyatakan bahawa ruqbā adalah menjadikan barang yang dihibahkan itu milik orang yang terakhir meninggal dunia disangkal. Tambahan al-Syīrāzī [40], pendapat ini adalah salah kerana beliau berhujah dengan dalil yang di riwayatkan oleh Abdullah bin Zubair r.a. Sesungguhnya Rasulullah s.a.w telah bersabda:

لا عُمرى ، ولا رُقْبى ، فمن أ عمر شيئاً أو أرقبته ، فهو له حياته ومماته

Maksudnya:

Tiada pemberian untuk selama hidup dan tidak ada pula pemberian yang digantung. Sesiapa yang diberi sesuatu secara ‘umrā atau diberi secara ruqbā, maka pemberian itu menjadi hak milik yang diberi, sama ada ketika hidupnya atau selepas kematiannya (al-Albānī. Sunan al-Nasā‘ī. Kitab al-‘Umrā. No. Hadis: 3733).

Bersandarkan hadis di atas, al-Nawawī mengemukakan pandangan merujuk kepada sisi Imam al-syāfi‘ī yang sebenar dalam qaul jadīd yang mana menjelaskan penetapan syarat adalah terbatal. Ruqbā sama seperti ‘umrā iaitu berkait dengan kematian. Sesuatu yang dihibahkan menjadi milik penerima hibah dan keturunannya di mana penetapan syarat digugurkan [19]. Pendapat ini juga merupakan pandangan Abu Hanīfah dan pendapat yang kuat dalam mazhab Hanbali.

Al-Shafi‘ī [30], Hanbalī [19] dan Abu Yūsuf [23] sependapat mengenai hibah ruqbā bahawa akad hibah tersebut adalah sah. Pandangan ini berpegang dengan hujah sabda Rasulullah s.a.w.:

الرقبى جائزة

Maksudnya:

Al-ruqbā diharuskan (al-Albānī. Sunan al-Nasā‘ī. Kitab al-‘Umrā. No. Hadis: 3706).

Pandangan yang mengharuskan hibah bersyarat ruqbā ini menyatakan bahawa pemilikan barang yang dihibahkan tetap menjadi milik penerima hibah dan tidak akan kembali kepada penghibah meskipun penerima hibah meninggal dunia sebelum penghibah. Situasi ini berdasarkan kepada hadis yang diriwayatkan oleh Zaid bin Thābit, sesungguhnya Rasulullah telah bersabda:

من أعمَرَ شيئاً فهو لمعمره ، محياه ومماته ، ولا تُرقيبوا فمن أرقب شيئاً فهو سبيئله

Maksudnya:

Sesiapa yang memberikan sesuatu secara ʿumrā maka pemberian itu menjadi milik orang yang diberi sama ada ketika hidupnya atau matinya. Dan janganlah kamu jadikan hartamu sebagai ruqbā, sesiapa yang meruqbākan hartanya, maka harta itu hak pewaris orang diberinya (al-Albānī. Sunan al-Nasāʿī. Kitab al-ʿUmrā. No. Hadis: 3732).

Abu Hanīfah, Mālik dan Muhammad bin Hasan berpandangan bahawa hibah ruqbā adalah tidak sah [22]. Hal demikian adalah kerana terdapat larangan daripada Rasulullah s.a.w terhadap perlaksanaannya. Berasaskan kepada periwayatan al-Shaʿbī daripada Shuraih sesungguhnya Rasulullah s.a.w bersabda:

أن رسول (ص) أجاز العُمري وأبطل الرقبى

Maksudnya:

Sesungguhnya Rasulullah s.a.w mengharuskan al-ʿumrā dan membatalkan al-ruqbā.

Petikan yang dipetik dari penulisan al-Kasānī [22] di atas bermaksud larangan oleh Rasulullah itu disebabkan oleh pemilikan hibah berkait dengan sesuatu bahaya. Mereka berhujah dengan dalil tersebut bahawa tidak diharuskan ke atas pemilikan sesuatu bersangkutan dengan sesuatu yang membahayakan. Menurut Imam Ahmad, hadis yang dikemukakan oleh golongan tersebut tidak diketahui bahkan tidak bersetuju dengan pengertian mereka berkaitan al-ruqbā [19].

Sehubungan itu, status penetapan syarat ruqbā sama ada boleh dikuatkuasakan atau sebaliknya, majoriti fuqaha kecuali mazhab Maliki berpendapat bahawa syarat tersebut terlaksana dan tidak terbatal. Namun begitu, mazhab Maliki berpegang dengan pandangan penguatkuasaan syarat tersebut adalah sah. Hal ini kerana terdapat riwayat daripada Imam Mālik berkaitan seorang lelaki menghibahkan hambanya kepada seseorang dengan menetapkan syarat. Oleh itu, hukum ruqbā menurut pandangan ini adalah sama dengan hukum ʿumrā dan syarat yang ditetapkan dalam kontrak perlu dilaksanakan (al-Qayrawānī 1999).

3. Qabd dan Penarikan Kembali Hibah

Penerimaan barang (qabḍ) ini dilihat satu elemen penting bagi menentukan suatu akad tersebut sah atau sebaliknya. Sebahagian fuqaha menganggap qabḍ sebagai syarat yang mengikat hibah kerana ianya merupakan keperluan dalam hibah yang akan terlaksana selain berlakunya tājāb dan qabūl. Akan tetapi, terdapat juga sebahagian fuqaha yang menyatakan qabḍ bukan satu keperluan dalam hibah kerana akad tersebut adalah sah tanpa berlakunya penyerahan milik barang.

Menurut pandangan mazhab Hanafi, keperluan qabḍ dalam hibah adalah bagi menjadikan suatu hibah boleh berkuatkuasa ke atas barang yang dihibahkan. Ianya hendaklah dipegang, diterima dan dikuasai oleh penerima untuk membolehkan penerima hibah bertasarruf dengan barang yang dihibahkan itu [22].

Al-Nakhaī, al-Thaurī, al-Syāfiʿī, Ahmad dan Abu Hanifah berpendapat bahawa qabḍ adalah syarat sah hibah (ibn Rush 1415H). Hal ini kerana hibah tidak akan berkuatkuasa tanpa berlakunya qabḍ

(Syīrāzī 1995). Pandangan fuqaha ini mensyaratkan qabḍ dalam hibah yang berpegang dengan hadith riwayat dari Abu Bakr akan hibahnya kepada Aisyah r.a iaitu:

عن عائشة - رضي الله عنها - قالت: إن أبا بكر الصديق - رضي الله عنه - كان نحلها (1) جاد عشرين وسقا (2) من ماله بالغبابة , فلما حضرته الوفاة قال: والله يا بنية , ما من الناس أحد أحب إلي غنى بعدي منك ولا أعز علي فقرا بعدي منك (3) وإني كنت نحلتك جاد عشرين وسقا , فلو كنت جدديته واحتزتيه كان لك (4) وإنما هو اليوم مال وارث (5) وإنما هما أخواك وأختاك (6) فاقتسموه على كتاب الله , قالت عائشة: فقلت: يا أبت , والله لو كان كذا وكذا لتركته (7) إنما هي أسماء فمن الأخرى؟ , فقال أبو بكر: ذو بطن بنت خارجة , أراها جارية (8).

Maksudnya:

Daripada Aisyah r.a: Abu Bakar telah memberikan kurma yang telah masak ranum kepada Aisyah sebanyak dua puluh wasq (satu wasq bersamaan enam puluh gantang) daripada kebunnya di Ghabah. Ketika Abu Bakar sedang nazak beliau berkata: Demi Allah wahai anakku. Sesungguhnya kamu ialah orang yang paling aku sayang, sesungguhnya aku telah berikan hartaku kepada kamu buah kurma sebanyak dua puluh wasq. Sekiranya kamu menuai dan mengambilnya, maka harta itu untuk kamu. Akan tetapi sekarang ia telah menjadi harta pusaka. Sesungguhnya ia milik dua saudara lelaki kamu dan dua saudara perempuan kamu. Maka bahagilah ia mengikut kitab Allah. Kemudian Aisyah berkata: “Demi Allah sekiranya begini halnya, aku tidak akan mengambilnya. Ia untuk Asma’ maka siapakah seorang lagi?” Beliau menjawab: “Zu Batni binti Kharijah aku menganggapnya sebagai khadam perempuan” (al-Bayhaqī. Sunan al-Kubrā. Kitab al-Hibah. Bab Syarat al-Qabḍ fi al-Hibah. No. Hadis: 11948).

Riwayat ini merupakan nas mengenai pensyaratan qabḍ dalam menentukan sahnya sesuatu hibah [32]. Barang atau harta yang telah dihibahkan akan menjadi milik penerima hibah apabila berlakunya penerimaan terhadap barang tersebut.

Bagi fuqaha yang tidak mensyaratkan penerimaan barang yang dihibahkan kepada penerima hibah, mereka berpegang dengan menyamakan hibah dengan jual beli. Menurut pandangan Imam Ahmad dan Abu Thaur, hibah adalah sah dengan akad semata-mata kerana qabḍ asalnya adalah bukan syarat hibah. Bahkan menurut pandangan Zahīrī, qabḍ juga bukan syarat sempurna atau sah akad hibah (ibn Rush 1415H). Bagi pandangan fuqaha mazhab Hanbali mengecualikan qabḍ dalam akad hibah ke atas barang-barang yang tidak boleh disukat dan ditimbang [19]. Mereka berpegang dengan periwayatan dari Ali r.a dan ibn Mas‘ud r.a yang berkata:

روى عن علي وابن مسعود رضي الله عنهما أنهما قالوا: الهبة جائزة إذا كانت معلومة قبضت أو لم تقبض

Maksudnya:

Hibah berlaku jika diketahui barangnya, sama ada orang yang diberi sudah menerima pemberian barang tersebut atau belum) al-Albānī. Irawā’ al-Ghalīl fī Takhrij Ahādith Manār al-Sabīl. No. Hadis: 1618).

Menurut pendapat imam Abu Hanīfah, Abu Yūsuf, Muhammad ibn Hasan dan pandangan imam al-Syafi‘ī dan imam Ahmad, hibah bersyarat merupakan kontrak hibah daripada awal dan diakhir kontrak tersebut menjadi sah dengan berlakunya qabḍ [22]. Elemen qabḍ perlu diberi perhatian kerana ia adalah penentuan kepada pemilikan barang yang dihibahkan sama ada boleh ditarik balik akad hibah tersebut atau tidak. Hal ini kerana setelah qabḍ berlaku, kontrak telah sempurna dan berkuatkuasa.

Terdapat perbezaan pandangan dalam kalangan fuqaha mengenai hukum penarikan semula hibah atau pembatalan akad hibah yang berhubung kait dengan status qabḍ dalam akad hibah yang

dibuat oleh penerima hibah [31]. Oleh yang demikian, sebahagian fuqaha membenarkan akad hibah boleh ditarik balik dan sebahagian fuqaha yang lain tidak mengharuskan penarikan kontrak hibah.

Fuqaha Mālikī tidak membenarkan penarikan kembali hibah yang telah berlaku kecuali hibah daripada seorang ayah kepada anaknya [2]. Selari dengan hadis yang diriwayatkan oleh ibn Abbas r.a bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

لا يحلُّ لأحدٍ أن يُعطيَ العطيَّةَ ، فيرجعَ فيها إلا الوالدَ فيما يعطي ولدَه ، ومثلُ الذي يعطي العطيَّةَ فيرجعُ فيها، كالكلبِ يأكلُ ، حتَّى إذا شبعَ قاءً ، ثمَّ عادَ فرجعَ في قبئِهِ

Maksudnya:

Tidak dihalalkan bagi seseorang meminta kembali pemberian yang telah diberikan, kecuali orang tua yang meminta kembali apa yang telah diberikan pada anaknya. Dan perumpamaan seorang yang meminta kembali pemberiannya itu bagaikan seekor anjing yang muntah, kemudian makan kembali muntahnya itu (al-Albānī. Sunan al-Nasā'ī. Kitab hibah. No. Hadis: 3690)

Menurut al-Shawkānī [42], hadis di atas menunjukkan pengharaman penarikan balik hibah kerana hukum muntah adalah haram. Walau bagaimana pun, fuqaha golongan Mālik turut tidak mengharuskan berlakunya penarikan kembali hibah sebelum qabḍ (al-Bāji t.th). Tambahan Noor Lizza dan Adnan [31], dengan adanya lafaz *tijāb* dan *qabūl* daripada pihak yang berakad telah menguatkuasakan kontrak hibah yang dibuat, malah membentuk kewajipan untuk menunaikan janji yang telah diakad tanpa perlu kepada elemen qabḍ.

Bagi golongan fuqaha al-Syāfi'ī (t.th), dan Hanbalī [19] berpendapat hibah yang telah sempurna tidak boleh ditarik semula oleh pemberi hibah melainkan hibah seorang bapa kepada anaknya. Selain itu, fuqaha golongan Syāfi'ī dan Hanafī [22] mengharuskan penarikan semula hibah sebelum qabḍ dilaksanakan. Fuqaha golongan ini berpendapat sedemikian kerana orang yang diberikan hibah kepadanya masih tidak memiliki barang hibah berkenaan tanpa menerimanya [40]. Bahkan penerima hibah tidak berkuasa ke atas barang yang dihibahkan selagi mana qabḍ tidak berlaku [30].

Manakala dari sisi golongan fuqaha Hanbalī, hibah tidak harus ditarik balik sebelum berlakunya qabḍ pada barang yang tidak boleh disukat dan ditimbang kerana ianya berkuatkuasa dengan sempurnanya akad [19]. Namun, menurut Noor Lizza *et al.* [34], golongan ini daripada riwayat yang lain mengharuskan penarikan kembali hibah ke atas barang yang berbentuk sukatan dan timbangan dengan syarat qabḍ belum berlaku ke atasnya.

Sehubungan itu, pandangan dari golongan fuqaha Hanafī terdapat sedikit perbezaan di mana hibah yang telah disempurnakan dengan qabḍ boleh ditarik kembali oleh pemberi hibah daripada golongan bukan ahli kaum kerabat yang menjadi mahram kepada pemberi hibah [42]. Akan tetapi, hukumnya adalah makruh dan tidak digalakkan [22].

Oleh yang demikian, jelas menunjukkan hukum penarikan kembali hibah bergantung kepada situasi qabḍ. Golongan fuqaha seperti Hanafī, Syāfi'ī dan Hanbalī yang mengharuskan hibah ditarik kembali disebabkan oleh hibah tidak berkuatkuasa tanpa qabḍ. Manakala golongan fuqaha Malikī dan Zahirī pula berpendapat bahawa tidak dibenarkan penarikan semula hibah kerana hibah berlaku dengan adanya akad iaitu *tijāb* dan *qabūl*.

4. Pelaksanaan Hibah dalam Produk Takaful

Masakini, industri takaful menjadi semakin aktif dalam penghasilan produk-produk baru bagi memenuhi kehendak pasaran di samping permintaan masyarakat. Industri ini beroperasi dibawah kawalan Bank Negara Malaysia dan berlandaskan tatacara yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti yang mengamalkan prinsip syariah sebagai garis panduan utama. Melalui tercetusnya produk takaful

yang pelbagai seperti pelan keluarga, pelan pendidikan, dan lain-lain lagi, hibah dipilih sebagai satu elemen dalam perjanjian transaksi kontrak tersebut.

Apabila berlaku sesuatu kematian, setiap umat Islam dituntut untuk menyelesaikan segera masalah berkaitan harta pusaka si mati. Menurut Nasrul Hisyam [29], sekiranya prinsip hibah tidak diguna pakai, syarikat-syarikat pengendali takaful akan mengagihkan wang peserta kepada ahli warisnya yang berkelayakan atau melalui penama yang telah disenaraikan. Pengagihan yang berlaku akan mengikuti proses dan peraturan sistem farāid yang mana sedikit sebanyak memberi impak kepada kekurangan bahagian wang yang diterima oleh keluarga terdekat si mati.

Pada tanggal 2003 kelulusan pemakaian hibah bersyarat dalam produk takaful telah diberikan oleh pihak Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia. MPS BNM telah memutuskan status hibah yang digunakan dalam pelan takaful tidak akan bertukar menjadi wasiat kerana kontrak tersebut adalah hibah bersyarat. Ini menunjukkan bahawa hibah bersyarat dibenarkan dalam pelan takaful. Walau bagaimana pun, ketika itu sebahagian pengendali takaful agak keberatan untuk mempamerkan penggunaan hibah bersyarat walaupun realitinya mereka telah melaksanakan konsepnya secara tidak langsung [24]. Takaful merupakan suatu kontrak yang mana peserta takaful menyumbang sejumlah wang yang dipersetujui dalam perjanjian dan melantik satu badan yang bertindak sebagai pengurus iaitu pihak pengendali takaful [3]. Pembayaran yang dilakukan oleh peserta takaful akan didepositkan ke dalam dua akaun iaitu Akaun Peserta atau Individual Special Account (ISA) merupakan akaun simpanan peserta dan Akaun Khas Peserta atau Risk Fund yang turut dikenali sebagai Tabarru^c Fund bertujuan untuk menderma.

Pada 2013, akta baru diperkenalkan iaitu Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI) bagi menggantikan Akta Takaful 1984 telah mengukuhkan kedudukan pelaksanaan kontrak hibah bersyarat. Berdasarkan Jadual 10 APKI 2013 perenggan 2 telah menunjukkan penguatkuasaan hibah bersyarat untuk membuat penamaan bagi pengagihan manfaat takaful pencarum.

2. (1) Peserta takaful yang telah mencapai umur enam belas tahun boleh menamakan individu untuk menerima manfaat takaful yang kena dibayar atas kematiannya di bawah sijil takaful itu, sama ada sebagai seorang wasi, atau sebagai seorang benefisiari di bawah hibah bersyarat, dengan memberitahu pengendali takaful berlesen secara bertulis mengenai nama, tarikh lahir, nombor kad pengenalan pendaftaran negara atau nombor sijil kelahiran dan alamat penama.

Hal ini menyebabkan hibah bersyarat tersebut tidak boleh dicabar oleh mana-mana pihak atau undang-undang bertulis yang lain [25]. Apabila polisi takaful matang peserta takaful akan memperoleh keseluruhan wang simpanannya daripada Akaun Peserta termasuk keuntungan pelaburan yang dilakukan [43]. Namun wang daripada Akaun Tabarru^c tidak akan diperolehi kerana akaun tersebut bersifat tabung khairat yang berperanan untuk didermakan kepada waris peserta yang ditimpa bencana atau kematian pelanggan.

Menerusi keputusan Majlis Penasihat Syariah BNM pada 2 Ogos 2005, pembayaran manfaat takaful tidak akan menjadi sebahagian daripada harta pusaka pencarum kerana manfaat takaful boleh dihibahkan atas prinsip takaful yang bertujuan memberi perlindungan kepada peserta takaful. Jadi, penerima hibah boleh menuntut manfaat takaful yang diperolehi tanpa melalui proses tuntutan pusaka [25]. Oleh itu, secara praktikalnya hibah bersyarat telah dipraktikkan oleh syarikat-syarikat takaful di Malaysia dalam pembayaran manfaat takaful.

Tambahan pula, merujuk kepada keputusan MPS BNM ke 34 pada 21 April 2003 berhubung penggunaan hibah dalam pemberian manfaat takaful lazimnya pengagihan manfaat tersebut dikaitkan dengan kematian peserta takaful dan tempoh kematangan polisi. Sekiranya peserta takaful

masih hidup dalam keadaan sijil takaful matang, manfaat takaful akan dimiliki oleh peserta takaful. Namun, jika peserta takaful meninggal dunia sebelum tempoh matang, maka hibah akan berkuatkuasa. Menurut Hailani dan Sanep [16], sumbangan tabarru^c digunakan bagi tujuan membayar ganti rugi kepada individu yang mengalami musibah dan setiap peserta bersetuju memberikan sumbangan kewangan melalui persetujuan untuk kongsi keuntungan dan kerugian di antara peserta bersama syarikat takaful secara ikhlas.

Oleh yang demikian, perletakkan syarat dalam kontrak hibah menunjukkan bahawa hibah bersyarat telah berlangsung dalam transaksi takaful. Di samping itu, didapat transaksi yang dijalankan seumpama hibah bersyarat ruqbā kerana manfaat akan diperoleh oleh penerima hibah setelah kematian peserta takaful. Hal ini Berasaskan kepada Jadual 10 perenggan 3 (2) APKI 2013 iaitu:

(2) Suatu penamaan oleh peserta takaful menurut subperenggan 2 (1) bagi seorang penama untuk menjadi seorang benefisiari di bawah hibah bersyarat, hendaklah, walau apa pun mana mana undang–undang bertulis, mempunyai kesan memindahkan pemilikan, dan hendaklah memindahkan pemilikan, manfaat takaful yang kena dibayar itu kepada penama itu atas kematian peserta takaful itu dan manfaat takaful sedemikian yang dipindahkan tidak menjadi sebahagian daripada harta pusaka peserta takaful yang mati itu atau tertakluk kepada hutangnya.

Sehubungan itu, sekiranya peserta takaful belum meninggal dunia dan polisi mencapai tempoh matang, maka hibah tidak akan berkuatkuasa. Hal ini kerana wang tersebut tertakluk kepada harta pusaka peserta takaful jika tiada penamaan baharu yang dibuat. Walau bagaimana pun, penetapan syarat tersebut menunjukkan perkaitan kontrak hibah dengan syarat kematian pemberi hibah bagi memperolehi manfaat takaful. Kesannya, apabila pemberi hibah masih hidup sebelum tempoh matang polisi takaful, kontrak hibah boleh dibatalkan atau ditarik kembali kerana hibah belum berkuatkuasa. Ini menjelaskan bahawa hibah yang diaplikasikan dalam takaful boleh ditarik kembali dengan bergantung kepada pelaksanaan syarat dan kedudukan qabḍ.

- (1) Suatu penamaan hendaklah terbatal—
- (a) atas kematian penama itu, atau jika terdapat lebih daripada seorang penama, atas kematian semua penama itu, semasa tempoh hayat peserta takaful itu;
 - (b) melalui suatu notis secara bertulis yang diberikan oleh peserta takaful kepada pengendali takaful berlesen itu; atau
 - (c) melalui apa–apa penamaan terkemudian.

Berpandukan kepada peruntukan Jadual 10 perunggan 4(1) APKI 2013 di atas berkaitan pembatalan kontrak hibah dalam takaful menjelaskan bahawa hibah boleh ditarik balik selagimana pemberi hibah masih hidup dan polisi belum mencapai tempoh kematangan. Apabila berlaku kematian penama ketika mana peserta takaful masih hidup, secara automatiknya kontrak hibah terbatal dan manfaat tersebut dikembalikan menjadi hak harta pusaka peserta takaful selepas kematiannya jika tiada penamaan baharu dilakukan. Seterusnya, penamaan yang baharu boleh membatalkan penama yang dibuat sebelumnya berdasarkan kehendak peserta takaful sedangkan hibah tidak dibenarkan tarik semula kecuali hibah seorang bapa kepada anaknya. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa selagimana syarat kematian tidak berlaku, maka kontrak tersebut tidak berkuatkuasa dan apabila elemen qabḍ masih belum terlaksana kontrak hibah boleh dibatalkan atau ditarik semula.

5. Kesimpulan

Kesimpulannya, hibah yang ditawarkan dalam takaful merupakan hibah bersyarat berbentuk ruqbā. Seterusnya, kontrak hibah berkuatkuasa setelah berlakunya kematian peserta takaful sebelum tamat tempoh matang polisi. Rentetan itu, dalam konteks takaful pemberi hibah boleh membatalkan atau menarik kembali hibah yang diberikan kepada penerima hibah jika pemberi hibah masih hidup dan belum mencapai tempoh matang polisi kerana kontrak hibah tidak boleh ditarik kembali setelah berlakunya penyerahan qabḍ.

Rujukan

- [1] al-Quran.
- [2] Abdel Wadoud Moustafa Moursi El-Seoudi, Muhammad Nazir Alias, Mohd Nasran Mohamad, Amir Husin Mohd Nor, Zaini Nasohah & Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani. 2012. The Introduction of Conditional Hibah as Islamic Financial Instruments. *Journal of Economic Theory* 6(1): 37-41.
- [3] Ibrahim, Ahmad Basri, Mohd Ali, and Ahmad Fadhil Hamdi. "Absolute assignment in takāful industry: Sharī'ah contracts, issues and solutions." *Intellectual Discourse* 23, no. Spec. (2015): 507-528.
- [4] Ahmad Riḍā. 1958. Muḥjam Matan al-Lughah Mauṣu'ah Lughawiyah Hadithahī. Beirut: Maktabah al-Hayah.
- [5] Akmal Hidayah Halim. Kertas kerja yang dibentangkan di "Seminar Wanita dan Syariah: Mengurus Harta Bukan Sekadar Merancang Kewangan," bertempat di Mahkamah Mut, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 17 November 2013.
- [6] Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013
- [7] al-Albānī, Muhammad Nāsir al-Dīn. 1979. Irawā' al-Ghalīl fī Takhrīj Ahādith Manār al-Sabīl. Beirut: al-Maktab al-Islāmī.
- [8] al-Albānī, Muhammad Nāsir al-Dīn. t.th. Sunan al-Nasāī. Riyādh: Maktabah al-Ma'ārif.
- [9] Azhar, Alias, Mohammad Azam Hussain, Muhammad Hafiz Badarulzaman, and Fauziah Mohd Noor. "Pengurusan harta dalam Islam: perspektif hibah di malaysia." *Journal of Human Development and Communication* 3 (2014): 115-28.
- [10] al-Bāji, Sulaiman ibn Khalaf al-andalusī. t.th. Kitāb al-Muntaqa sharh Muwatta' al-Imam Mālik bin Anas. Kaherah: Dār al-Kitāb al-Islāmī.
- [11] Bank Negara Malaysia. 2010. Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam. Edisi ke-2.
- [12] al-Bayhaqī, Abu Bakr Ahmad bin al-Husain bin 'Alī. 2003. Al-Sunan al-Kubra. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- [13] al-Bukhārī, Abi Abdullah Muhammad bin Ismail. 1401H/1981M. Sahīh al-Bukharī. Beirut: Dar al-Fikr.
- [14] al-'Asqalānī, Ahmad bin 'Alī bin Hajar. 1996. Fath al-Bārī bi Sharh Sahīh al-Bukharī. Kaherah: Dār Abī Hayān.
- [15] al-Fayūmī, Ahmad bin Muhammad bin Alī. 1990. Misbāh al-Munīr. Lubnan: Maktabah Lubnan.
- [16] Hailani, M. T., and A. Sanep. "Aplikasi fiqh muamalat dalam sistem kewangan Islam." *Shah Alam, UPENA* (2009).
- [17] ibn Hibbān, Muhammad bin Hibbān bin Ahmad. 2004. Sahih ibn Hibbān. Lubnan: Bait al-Afkār al-Dauliyyah.
- [18] ibn Juzāī, Abi al-Qāsīm Muhammad Bin Ahmad. t.th. al-Qawānīn al-Fiqhiyyah fī Talkhis Mazhab al-Mālikīyyah wa al-Tanbih 'ala Mazhab al-Syāfi'īyyah wa al-Hanafiyyah wa al-Hanbaliyyah. Tahqiq: Muhammad bin Sīdī Muhammad Maulāyī. 1450: Kuwait.
- [19] ibn Qudāmah, Muhammad 'Abdullah bin Ahmad. 1997. al-Mughnī. Riyāḍ: Dar 'Ālam al-Kutub.
- [20] ibn Rush, Muhammad bin Ahmad bin Muhammad. 1415H. Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtasid. Kaherah: Maktabah ibn Taimiyyah.
- [21] al-Jurjānī, Ali bin Muhammad. 1413M. Muḥjam al-Ta'rīfāt. Kaherah: Dar al-Fadīlah.
- [22] al-Kasānī, 'Alā al-Dīn Abū Bakr bin Mas'ūd al-Kasānī. 2003. Badāi' al-Sanāi' fī Tartīb al-Sharāi'. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- [23] al-Mawardi, Abī al-Hasan 'Alī bin Muhammad bin Habīb. 1994. al-Hāwī al-Kabīr. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- [24] Mohamed Hadi bin Abdul Hamid & Rusni Hassan. 2014. Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013: Tinjauan Awal Kesannya Dalam Industri Takaful. *Kanun* 26(2): 254-267.
- [25] Mohd Khairy Kamarudin & Suhaili Al-Ma'amun. 2013. Implikasi Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 Ke Atas Industri Takaful di Malaysia: Tumpuan Kepada Penamaan Dan Hibah Manfaat Takaful. Regional Seminar On Islamic Higher Educational Institutions.
- [26] Muda, Mohd Zamro. "Instrumen Hibah dan Wasiat: Analisis Hukum dan Aplikasi di Malaysia." *Kertas Kerja Konvokesyen Faraid dan Hibah Kebangsaan* (2008).
- [27] al-Naisābūrī, al-Husain Muslim bin al-Hujjaj al-Qushairī. 2006. Sahih Muslim. Riyāḍ: Dār Thībah.

- [28] Muhamad, Nasrul Hisyam Nor. "Elemen Qabd (Pindahan Milikan) Dalam Hibah: Analisis Terhadap Keperluan dan Pelaksanaannya Mengikut Perspektif Undang-Undang Islam." *Jurnal Syariah, Jil 17* (2009): 243-266.
- [29] Muhamad, Nasrul Hisyam Nor. "Pemakaian prinsip hibah dalam sistem kewangan Islam di Malaysia: Tumpuan kepada industri perbankan Islam dan Takaful." *Sains Humanika* 52, no. 1 (2010).
- [30] al-Nawawī, Abu Zakariyyā Mahyuddin Ibn Sharaf al-Nawawī. 1994. *Sahīh Muslim bi sharh al-Nawawī*. t.p: Muassasah Qarthabah.
- [31] Noor Lizza Mohamed Said & Adnan Mohamed Yusoff. 2017. *Pengantar Hibah dalam Islam*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam UKM.
- [32] Mohamed Said, N. L., M. R. Awang, and A. H. Mohd Nor. "Qabd dan hukum penarikan balik hibah." *Jurnal Muamalat* 3 (2010): 157-184.
- [33] Said, Noor Lizza Mohamed, Mohd Awang, and Amir Husin Mohd Nor. "HIBAH DENGAN SYARAT BALASAN MENURUT PANDANGAN FUQAHA DAN KEDUDUKANNYA DALAM UNDANG-UNDANG SIVIL JORDAN." *Jurnal Syariah* 20, no. 3 (2012).
- [34] Said, Noor Lizza Mohamed, Mohd Ridzuan Awang, Amir Husin Mohd Nor, Mohd Zamro Muda, and Abdul Basir Mohamad. "Revocation of gift (hibah) according to Islamic Law and its practice under Syria Civil Law 1949." *International Business Management* 7, no. 1 (2013): 1-7.
- [35] al-Qayrawānī, Muhammad Abdullah bin Abdul Rahman. 1999. *Al-Nawādir wa al-Ziyādāt ‘alā mā fi al-Mudawwanah min Ghairiha min al-Ummahāt*. Beirut: Dar al-Gharb al-Islāmī.
- [36] Rashid, Rusnadewi Abdul, and Nor Hisyam Ahmad. "PENGURUSAN HARTA MELALUI HIBAH: KEPENTINGAN DAN MANFAAT DARI PELBAGAI ASPEK UNTUK KEMAJUAN UMMAH (Hibah Wealth Management: The Important and Benefit from Various Aspects for Ummah Development)." *Jurnal Hadhari: An International Journal* 5, no. 1 (2013): 91-104.
- [37] al-Sharbīnī, Shams al-Dīn Muhammad bin Muhammad al-Khatīb. t.th. *Mughnī al-Muhtāj ilā Ma‘rifat Ma‘ānī Alfāz al-Minhāj*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- [38] Siti Rashidah Ismail & Noor Lizza Mohamed Said. 2017. *Kedudukan Hibah Bersyarat Dalam Produk Takaful: Sorotan Literatur*. Al-Qanatir International Journal of Islamic Studies 8(1): 29-41.
- [39] al-Syāfi‘ī, Muhammad bin Idrīs. t.th. *al-Umm*. Beirut: Dar al-wafā’.
- [40] al-Syīrāzī, Ishāq Ibrāhīm bin ‘Alī bin Yusuf. 1995. *al-Muhazzab fi Fiqh al-Imām al-Syāfi‘ī*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- [41] al-Zuhaylī, Wahbah. 2008M. *al-Fiqh al-Syāfi‘ī al-Muyassar*. Beirut: Dar al-Fikr.
- [42] al-Shawkānī, Muhammad ibn ‘Alī. 1995. *Nayl al-Authar min ahādith Sayyid al-Akhyar Sharh Muntaqa al-Akhbar*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- [43] Ab Rahman, Asmak, Shamsiah Mohammad, and Iman Mohd Salleh. "BAY'AL-TAWARRUQ DAN APLIKASINYA DALAM PEMBIAYAAN PERIBADI DI BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD." *Jurnal Syariah* 18, no. 2 (2010).